

14/03/2004

Permulaan baik buat BN (HL)

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) mendahului 21 kerusi dalam pilihan raya umum ke-11 apabila menang tanpa bertanding bagi 14 kerusi Parlimen dan tujuh Dewan Undangan Negeri (DUN) pada hari penamaan calon semalam.

Ini adalah jumlah kedua tertinggi BN menang tanpa bertanding dalam sejarah pilihan raya umum sejak 1955. Pada pilihan raya umum 1974, BN yang turut dianggotai Pas ketika itu, menang tanpa bertanding di 47 kerusi Parlimen dan 43 DUN.

Antara calon BN yang menang semalam ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang kini memasuki penggal kesembilannya, bagi kerusi Parlimen Kota Samarahan dan Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said yang baru pertama kali menjadi calon, di Pengerang, Johor.

Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyifatkan perkembangan itu sebagai isyarat awal untuk BN mencatat kejayaan besar pada pilihan raya umum Ahad depan tetapi menegaskan, jentera parti perlu terus meningkatkan usaha memastikan kemenangan.

"Alhamdulillah dan tahniah kepada yang menang," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Umno Bahagian Kepala Batas selepas proses penamaan calon di Dewan Millenium, Kepala Batas.

Ini adalah pilihan raya umum pertama Abdullah mengetuai BN sejak dilantik sebagai Perdana Menteri 31 Oktober lalu, mengambil alih daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada pilihan raya umum lalu, BN menang dua kerusi tanpa bertanding, iaitu satu kerusi Parlimen di Sarawak dan satu DUN di Johor.

Sebelas daripada 21 kerusi BN yang dimenangi tanpa bertanding semalam adalah di Sabah, iaitu tujuh kerusi Parlimen dan empat DUN; enam kerusi Parlimen di Sarawak; dua di Johor, iaitu satu Parlimen dan satu DUN serta masing-masing satu DUN di Perak dan Selangor.

Bagaimanapun, pembangkang menang satu kerusi tanpa bertanding apabila kertas pencalonan calon muka baru BN di DUN Senggarang, Johor, Shamsiah Rashidah Ibrahim, ditolak kerana penyokong pencalonan bukan pengundi berdaftar di kawasan itu.

Berikutan itu, calon Pas, Dr Mohd Ramli Md Kari, diumumkan sebagai pemenang. Ini adalah kali pertama dalam sejarah, Johor yang menjadi kubu kuat Umno, ditembusi Pas.

BN turut mendapat satu kerusi DUN di Johor, iaitu di kawasan baru Penawar apabila calonnya Dr Mohd Azam Rauzan (BN-Umno) menang tanpa bertanding. Dua lagi kerusi DUN yang dimenangi BN ialah menerusi calon BN-MCA, Datuk Ho Cheng Wang di Pokok Assam, Perak dan Datuk Lee Hwa Beng (BN-MCA) di Subang Jaya, Selangor.

Calon BN lain yang menang tanpa bertanding di Sarawak ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin bagi kerusi Parlimen Miri (BN-SUPP); Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Rohani Abdul Karim di Batang Lupar (BN-PBB); Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Negeri, Datuk Abdul Wahab Dolah di Kuala Rajang (BN-PBB), Henry Sum Agong di Bukit Mas (BN-PBB) dan Alexander Nanta Linggi di Kapit (BN-PBB).

Tujuh kerusi Parlimen di Sabah yang dimenangi BN ialah Beaufort (Datuk Azizah Mohd Dun, BN-Umno); Sipitang (Datuk Dr Yusof Yacob, BN-Umno); Papar (Rosnah Abdul Rashid Shirlin, BN-Umno); Kinabatangan (Datuk Bung Moktar Radin, BN-Umno); Beluran (Ronald Kiandee, BN-Umno); Kalabakan (Datuk Abdul Ghapur Salleh, BN-Umno) dan Tawau (Shim Paw Fatt, BN-SAPP).

Kerusi DUN pula ialah di Tanjong Papat (Datuk Raymond Tan Shu Kiah, BN-SAPP); Melalap (Datuk Radin Malih, BN-PBS), Apas (Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan, BN-Umno) dan Sekong (Samsuddin Yahya, BN-Umno).

Penamaan calon di 219 pusat di seluruh negara bermula 9 pagi semalam dan ditutup sejam kemudian dengan tempoh bantahan selama sejam selepas itu. Pengundian ditetapkan pada Ahad, 21 Mac ini, dengan calon yang bertanding mempunyai lapan hari untuk berkempen.

Sebelum Parlimen dibubarkan pada 4 Mac lalu, BN menguasai 152 daripada 193 kerusi Dewan Rakyat, manakala Pas menguasai 26 kerusi, 10 DAP dan lima Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Jumlah kerusi Parlimen bertambah 26 lagi kali ini termasuk Putrajaya, menjadikan semuanya 219 kerusi. Ini bermakna sesebuah parti politik perlu menang di sekurang-kurangnya 110 kerusi untuk majoriti mudah atau 146 kerusi untuk menguasai majoriti dua pertiga.

Kerusi DUN pula bertambah 63, menjadikan kesemuanya 505, tidak termasuk 62 di Sarawak, yang tempoh Dewan Undangan Negerinya berakhir pada 2006.

Seramai 433 calon bertanding bagi merebut baki 205 kerusi Parlimen dan 1,097 orang merebut baki 498 kerusi DUN. Jumlah itu merangkumi 205 calon BN, 85 Pas, 45 DAP, 57 Keadilan, tujuh Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), masing-masing satu calon Parti Demokratik Malaysia, Parti Reformasi Sarawak dan Parti Demokratik Setiasehati Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (Setia) serta 31 calon Bebas bertanding bagi kerusi Parlimen.

Bagi kerusi DUN, BN meletakkan 497 calon, Pas (261), DAP (105), Keadilan (119), Setia (14), 12 calon Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) dan 89 calon Bebas.

Sebahagian besar pertandingan untuk kerusi Parlimen dan DUN membabitkan pertandingan satu lawan satu dan tiga penjurur. Kerusi DUN Bayan di Sabah mencatatkan calon terbanyak dengan lapan orang bertanding.

Pada pilihan raya umum 1999, 426 calon dari 10 parti politik merebut 192 kerusi Parlimen, manakala 812 orang daripada enam parti bertanding untuk 393 kawasan DUN. Jumlah itu termasuk 29 calon Bebas bertanding di Parlimen dan 13 orang di DUN.

Apabila tempoh bantahan penamaan calon tamat pada 12.30 tengah hari semalam, BN menghadapi saingan di semua baki 703 kerusi yang ditandingi.

Sementara itu, Perdana Menteri yang mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas bagi kali ketujuh sejak 1978, dicabar kali kedua oleh Naib Yang Dipertua Pas Kepala Batas, Abdul Khalid Rasid.

Abdullah yang memakai baju Melayu berwarna biru diiringi isterinya, Datin Seri Endon Mahmood dan anak lelaki, Kamaluddin, tiba kira-kira jam 8.45 pagi di pusat penamaan calon bagi kawasan parlimen Kepala Batas di Dewan Millenium untuk mengemukakan borang pencalonannya.

Pada pilihan raya umum 1999, Abdullah memperoleh 19,985 undi menewaskan Khalid yang mendapat 8,810 undi dengan majoriti besar 11,175 undi. Kawasan itu kini mempunyai 39,622 pengundi.

Tiga calon BN bagi kerusi DUN dalam kawasan Parlimen itu, Datuk Azhar Ibrahim (Penaga), Datuk Hilmi Abdul Rashid (Bertam) dan Datuk Roslan Saidin (Pinang Tunggal) turut tiba bersama Abdullah bagi menyerahkan borang masing-masing.

Kira-kira 5,000 penyokong berarak mengiringi mereka dari pusat khidmat anggota Parlimen Kepala Batas di Jalan Perak dengan membawa sepanduk dan bendera BN serta parti-parti komponen.

Abdullah masuk ke dewan itu bersama-sama calon BN yang lain dan menyerahkan borang pencalonannya kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Datuk Abdul Ghani Ariffin, kira-kira pukul 9.05 pagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pula mengemukakan kertas pencalonannya di Dewan Majlis Daerah Pekan untuk mempertahankan kerusi Parlimen Pekan, dicabar calon Pas, Brig-Jen (B) Datuk Zakaria

Dahalan, dalam perebutan satu lawan satu.

Najib yang berpakaian baju Melayu berwarna biru diiringi isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, tiba di Dewan Majlis Daerah Pekan kira-kira jam 9.15 pagi.